

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU  
JAAFAR**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada sudah Kementerian mengenalpasti perkampungan tepian pantai yang terkena air pasang dan ombak besar seluruh Sarawak. Kalau ya, berapa kos untuk membina benteng-benteng laut dan adakah sumber kewangan sudah dipohon dari Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang terlibat masalah limpahan air pasang besar di Negeri Sarawak dan peruntukan sebanyak RM350 juta telah dipohon dalam *Rolling Plan 4 (2019) RMKe-11* untuk dilaksanakan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kekangan peruntukan Kerajaan serta peruntukan diberikan keutamaan kepada projek-projek yang lebih kritikal, permohonan tidak diluluskan. Permohonan akan dipohon semula dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.